

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ GELANG PATAH ]**

**TARIKH : 7.3.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan berlaku lagi kejadian di mana Malaysia tersingkir daripada jadual keputusan utama skim penilaian pelajar Programme for International Student Assessment (PISA) sebagaimana yang berlaku pada keputusan tahun 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan pentadbiran Programme for International Student Assessment (PISA) 2015 buat julung kalinya telah menggunakan mod berasaskan komputer, dan Malaysia tidak terkecuali dalam memilih menggunakan mod tersebut. Antara kelemahan yang dikenal pasti dalam menggunakan mod berasaskan komputer ini adalah tahap kesediaan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di sekolah yang terpilih untuk mengambil bahagian, menyebabkan sekolah sampel asal digantikan dengan sekolah ganti, dan masalah teknikal yang dihadapi ketika pentaksiran ditadbirkan yang menyebabkan data rosak ataupun hilang. Terdapat juga murid yang masih tidak biasa